

Prestasi Akademik Mengikut Gender

ZALIZAN MOHD JELAS

SAEMAH RAHMAN

ROSELAN BAKI

JAMIL AHMAD

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan perbezaan prestasi akademik di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian eksploratori menggunakan data sekunder berdasarkan keputusan peperiksaan awam bagi tempoh lima tahun (1996-2000). Selain itu soal selidik digunakan keatas sampel 3,000 orang pelajar sekolah menengah dan 1,118 orang guru. Tujuan soal selidik pelajar adalah untuk meninjau gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan perasaan mereka terhadap guru dan sekolah; manakala soal selidik guru meninjau persepsi mereka terhadap gaya belajar pelajar lelaki dan perempuan, dan interpretasi serta implementasi kurikulum. Keputusan peperiksaan awam (UPSR, PMR dan SPM) pada tahun 1996-2000 menunjukkan pelajar perempuan memperoleh prestasi yang lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam hampir kesemua mata pelajaran. Perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan diteliti dari segi faktor-faktor yang dijangkakan mempengaruhi perbezaan tersebut. Dapatkan kajian mendapati pelajar perempuan lebih baik dalam tugas yang memerlukan penghafalan fakta dan peraturan yang jelas manakala pelajar lelaki lebih cenderung kepada tugas berbentuk terbuka yang berkaitan dengan situasi yang realistik dan praktikal. Pelajar perempuan juga didapati mempunyai ciri-ciri positif yang menyumbang kepada pencapaian prestasi akademik yang lebih baik berbanding pelajar lelaki. Analisis tentang pendekatan dari segi pedagogi dan sosio-budaya yang sesuai untuk kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan juga dibincangkan.

ABSTRACT

This article addresses gender differences in academic performance within the Malaysian education system. Secondary data on public examination results over a period of five years (1996-2000) were analysed and a questionnaire was administered on 3,000 secondary school students and 1,118 teachers. The student questionnaire explored students' style of learning, their study skills and feelings toward teachers and school in general; whereas the teacher questionnaire explored teacher perceptions towards male and female students' learning style,

and their interpretation and implementation of the curriculum. National examination results at all levels (UPSR, PMR and SPM) in 1996-2000 shows that girls perform better than boys across almost all school subjects. The nature of these differences was examined and some of the underlying factors behind these differential achievements were discussed. It has been found that girls seem to do better on sustained tasks that require memorising unambiguous facts and rules while boys are more responsive to open-ended tasks, which are related to practical and realistic situations. Result of the study also shows that girls possess positive characteristics that contribute to better academic performance compared to boys. An analysis of the approaches towards creating a context for achievement of both girls and boys is offered, with a focus on pedagogical and socio-cultural strategies.

PENGENALAN

Isu perbezaan mengikut gender dalam pelbagai aspek kehidupan telah dikaji oleh banyak pengkaji di serata dunia. Dalam konteks pendidikan, perbezaan jantina yang berkaitan dengan prestasi akademik masih menjadi salah satu isu yang menarik untuk dikaji. Busch (1995) melaporkan bahawa kajian mengenai gender dalam tahun 1980-an dan awal 1990-an banyak berkisar mengenai isu kecekapan kendiri pelajar dalam mata pelajaran sains dan matematik dan juga dari segi penggunaan komputer yang menunjukkan perbezaan antara gender yang agak ketara. Boleh dikatakan kajian-kajian tersebut merumuskan bahawa pelajar lelaki mempunyai kecekapan kendiri yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan dalam bidang berkenaan. Bagaimanapun terdapat juga kajian yang menunjukkan prestasi pelajar perempuan lebih tinggi (Bridgement & Wendler 1995). Kajian Xu dan Farell (1992) ke atas pelajar Cina pula tidak menunjukkan keputusan yang konklusif dari segi jantina dalam dapatan kajian mereka.

Tinjauan oleh Sutherland (dalam Tinklin, Croxford, Frame & Ducklin 2000) menyatakan bahawa prestasi pelajar perempuan yang lebih baik berbanding pelajar lelaki adalah suatu fenomena yang menyeluruh dan berlaku di banyak negara di dunia seperti di Scotland, England, Perancis, Jerman, Jepun, Australia, dan New Zealand. Di Jerman misalnya, markah yang dicapai oleh pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding dengan pelajar lelaki dan kebarangkalian pelajar perempuan meneruskan pendidikan ke tahap menengah atas adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Di samping itu, statistik di Australia pula menunjukkan bahawa pelajar perempuan berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding pelajar lelaki. Jules dan Kutnick (1997) melaporkan bahawa fenomena yang serupa turut dialami di Trinidad dan Tobago dengan kadar kecinciran yang tinggi di kalangan pelajar remaja lelaki kerana mereka dikatakan mula kurang selesa dengan guru perempuan. Keadaan yang serupa turut berlaku di Malaysia. Data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) mengenai

keputusan peperiksaan awam dari tahun 1996-1999 menunjukkan pelajar perempuan memperoleh prestasi akademik yang lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam peperiksaan awam di peringkat sekolah rendah (UPSR), menengah rendah (PMR) dan menengah (SPM) dalam kebanyakan mata pelajaran terutamanya Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Matematik.

Antara faktor yang dikaitkan dengan isu mengapa pelajar perempuan lebih baik berbanding pelajar lelaki termasuklah dakwaan bahawa stil pengajaran dan pengujian yang lebih berpihak kepada pelajar perempuan. Dapatan kajian yang ditinjau juga mendapati pelajar perempuan lebih positif dan memberi perhatian yang lebih serius kepada kerja-kerja sekolah berbanding pelajar lelaki (Dwyer 1974; Fennema 1987; Halpern 1992). Mereka juga menunjukkan minat membaca yang lebih baik (McKenna 1997). Pelajar lelaki dan perempuan juga dikatakan menggunakan stil pembelajaran yang berbeza (Picou, Gatlin-Watts & Packer 1998).

Di Malaysia, kecemerlangan prestasi pelajar perempuan dimanifestasikan dengan jumlah enrolmen pelajar perempuan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Ketidakseimbangan bilangan pelajar lelaki dan perempuan di IPTA mempunyai implikasi sosio-politik dan ekonomi yang serius kepada negara. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti perbezaan gender dari segi prestasi akademik di kalangan pelajar dalam sistem pendidikan di Malaysia dengan harapan untuk mendapatkan input-input yang dapat memberi cadangan terhadap usaha untuk memperbaiki pencapaian bagi kedua-dua jantina.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara tinjauan faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan prestasi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dalam sistem pendidikan negara. Soalan-soalan kajian ini ialah:-

1. Apakah corak dan trenda perbezaan prestasi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dalam peperiksaan awam negara?
2. Sejauhmanakah perbezaan dalam faktor-faktor yang diandaikan boleh mempengaruhi prestasi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik untuk mengumpul data mengenai profil pelajar dan guru serta persepsi mereka terhadap faktor-faktor yang dijangkakan mempunyai pengaruh ke atas prestasi pelajar. Di samping itu analisis dokumen dijalankan bagi mengumpul data yang berkaitan dengan objektif kajian.

SAMPEL

Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata dengan mengambil kira aspek zon (utara, tengah, timur dan selatan), lokasi (bandar dan luar bandar), jenis sekolah (sekolah harian, sekolah harian berasrama dan

sekolah berasrama penuh), gred sekolah (A dan B), kategori sekolah (SMK, SMJK, SMKA dan SMT), aliran (sains, sastera, agama dan teknik) dan tingkatan (Ting 3,4 5 dan 6). Jumlah keseluruhan sampel ialah seramai 4,118 orang terdiri daripada 3000 orang pelajar sekolah (1446 lelaki dan 1554 perempuan) dan 1,118 orang guru sekolah rendah dan menengah (433 lelaki dan 685 perempuan).

INSTRUMEN

Data tentang persepsi pelajar dan guru dikumpulkan dengan menggunakan dua set instrumen iaitu soal selidik pelajar dan soal selidik guru. Soal selidik pelajar digunakan untuk mengukur beberapa faktor meliputi faktor diri pelajar dan yang berkaitan dengan persepsi pelajar mengenai persekitaran sekolah dan pengajaran guru. Item-item dalam soal selidik pelajar meliputi maklumat demografi (18 item); gaya pembelajaran pelajar (36 item); strategi dan kemahiran belajar (24 item); nilai pelajar terhadap pendidikan dan kerjaya (18 item); tahap kepuasan terhadap persekitaran sekolah (11 item); persepsi terhadap kawalan keluarga (8 item) dan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru (30 item). Soal selidik guru pula digunakan untuk mengukur faktor-faktor guru. Item-item dalam soal selidik guru meliputi maklumat demografi (12 item), persepsi guru terhadap pelajar lelaki dan perempuan (12 item), persepsi guru terhadap profesion perguruan (9 item) dan, interpretasi dan pelaksanaan kurikulum (11 item). Ujian Cronbach Alfa digunakan untuk menentukan indeks kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai Cronbach Alfa bagi kedua-dua instrumen adalah tinggi. Bagi instrumen pelajar indeks kebolehpercayaan Cronbach Alfa adalah antara 0.7323 – 0.8996. Manakala, nilai Cronbach Alfa bagi instrumen guru adalah antara 0.7573 – 0.8989. Indeks kebolehpercayaan Cronbach Alfa yang tinggi ini menunjukkan bahawa item-item adalah konsisten dan boleh dipercayai.

ANALISIS DATA

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif iaitu carta graf digunakan untuk melihat perbezaan prestasi antara pelajar lelaki dan perempuan dalam peperiksaan awam. Manakala, statistik inferensi iaitu ujian *t* dan analisis varians *multivariate* (MANOVA) digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam faktor-faktor yang dijangkakan boleh mempengaruhi prestasi akademik di kalangan pelajar lelaki dan perempuan.


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan perbincangan dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dapatan data sekunder dan dapatan primer (dapatan daripada soal selidik).


DATA SEKUNDER

Analisis data sekunder digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu apakah corak dan trenda perbezaan prestasi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dalam peperiksaan awam negara. Berdasarkan analisis prestasi pelajar lelaki dan perempuan dalam peperiksaan awam, iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beberapa kesimpulan dapat dibuat.

Secara keseluruhan, pelajar perempuan memperoleh keputusan yang lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam hampir kesemua mata pelajaran dalam peperiksaan tersebut, terutamanya bagi peperiksaan UPSR dan PMR. Keputusan peperiksaan bagi kedua-dua peperiksaan bagi tahun 1996-2000 menunjukkan bahawa pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki dalam semua mata pelajaran. Sebagai contoh, perbezaan peratus kelulusan bagi peperiksaan UPSR bagi mata pelajaran matematik dan bahasa Inggeris, masing-masing adalah antara 5.93 – 10.51 peratus dan 9.08 – 25.61 peratus (Rajah 1 dan 2).




RAJAH 1. Peratus kelulusan Matematik UPSR mengikut jantina (1996-2000)




RAJAH 2. Peratus kelulusan Bahasa Inggeris UPSR mengikut jantina (1996-2000)


Bagi peperiksaan PMR, perbezaan peratus kelulusan adalah antara 0.1 – 5.8 peratus bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dan antara 5 – 15.2 peratus bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris (Lihat Rajah 3 –5).



RAJAH 3. Peratus kelulusan Sains PMR mengikut jantina (1996-2000)




RAJAH 4. Peratus kelulusan Matematik PMR mengikut jantina (1996-2000)




RAJAH 5. Peratus kelulusan Bahasa Inggeris PMR mengikut jantina (1996-2000)


Di samping itu, peperiksaan SPM juga secara keseluruhannya menunjukkan pola yang serupa dengan pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki. Dapatkan ini adalah selaras dengan tinjauan yang dibuat oleh Sutherland (dalam Tinklin et al. 2000) yang melaporkan trenda yang serupa di beberapa negara Barat. Keadaan ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Bridgement dan Wendler (1995). Bagi menjelaskan keadaan ini, keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris ditunjukkan dalam Rajah 6 – 8).



RAJAH 6. Peratus kelulusan Matematik SPM mengikut jantina (1996-2000)




RAJAH 7. Peratus kelulusan Sains SPM mengikut jantina (1996-2000)




RAJAH 8. Peratus kelulusan Bahasa Inggeris SPM mengikut jantina (1996-2000)

Bagaimanapun suatu hal yang menarik yang perlu diteliti berdasarkan keputusan peperiksaan pada peringkat SPM ialah bahawa prestasi pelajar lelaki lebih baik daripada prestasi pelajar perempuan bagi mata pelajaran yang berasaskan teknikal, seperti Lukisan Kejuruteraan dan Teknikal Kejuruteraan (Rujuk Rajah 9 dan 10). Keadaan ini agak selari dengan dapatan kajian Busch (1995) yang mendapati pelajar lelaki lebih cekap dalam aplikasi komputer berbanding pelajar perempuan.



RAJAH 9. Peratus kelulusan Teknologi Kejuruteraan SPM mengikut jantina (1996-2000)

Berdasarkan analisis prestasi pelajar lelaki dan perempuan dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM, dapatlah disimpulkan bahawa pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki dalam hampir kesemua mata pelajaran, kecuali bagi mata pelajaran yang bersifat teknikal dan praktikal, seperti mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dan Teknikal Kejuruteraan. Keadaan ini memerlukan penelitian khusus dan mendalam kerana pelajar lelaki dan perempuan, pada umumnya mempunyai



RAJAH 10. Peratus kelulusan Lukisan Kejuruteraan SPM mengikut jantina (1996-2000)

keupayaan akademik yang setara tetapi mempunyai pendekatan dan minat yang berbeza terhadap proses pembelajaran (Fennema, 1980; Halpern, 1992; Picou et al, 1998).

DAPATAN DATA PRIMER

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian mengenai perbezaan jantina dari segi faktor-faktor yang diandaikan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, iaitu:

1. Faktor pelajar (Gaya pembelajaran pelajar, kemahiran dan strategi belajar serta aspirasi terhadap pendidikan dan kerjaya)
2. Faktor persekitaran (Tahap kepuasan terhadap persekitaran sekolah dan persepsi terhadap kawalan keluarga)
3. Faktor guru (Persepsi pelajar terhadap pengajaran guru, persepsi guru terhadap pelajar lelaki dan perempuan, persepsi guru terhadap profesion perguruan dan intrepretasi serta pelaksanaan kurikulum)

1. Faktor pelajar

Keputusan analisis data dan perbincangan dijalankan secara berasingan bagi ketiga-tiga komponen faktor pelajar, iaitu gaya pembelajaran pelajar, kemahiran dan strategi pembelajaran serta aspirasi pendidikan pelajar seperti berikut:

Gaya Pembelajaran Pelajar Analisis MANOVA dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan. Gaya pembelajaran pelajar dilihat dari empat aspek iaitu *concrete sequential*, *abstract sequential*, *abstract random* dan *abstract sequential*. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan keempat-empat gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan ($F(4,2972)=6.893$, $p=0.000$; Wilks' Lambda=.991 ; *partial eta*

squared=.009). Pemeriksaan ke atas pemboleh ubah secara berasingan mendapati bahawa terdapat dua gaya pembelajaran yang mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alpha Bonferroni ($0.05/4=0.0125$), iaitu gaya pembelajaran *concrete sequential* ($F(1,2976)=22.082$, $p=0.000$) dan *abstract sequential* ($F(1,2976)=8.501$, $p=0.004$).

Pemeriksaan ke atas skor min ke atas gaya pembelajaran *concrete sequential* menunjukkan bahawa min pelajar perempuan (2.93) adalah lebih tinggi daripada min pelajar lelaki (2.86). Keadaan yang serupa turut ditemui bagi gaya pembelajaran *abstract sequential* dengan min pelajar perempuan (2.97) adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki (2.93). Dapatkan ini menunjukkan pelajar perempuan, secara keseluruhannya lebih mengamalkan gaya pembelajaran *concrete sequential* dalam proses pembelajaran berbanding pelajar lelaki. Ini bermakna mereka lebih mengambil berat tentang tugas, melakukan kerja dengan teratur dan mengikut jadual serta mengikut arahan dengan teliti berbanding pelajar lelaki. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan, secara keseluruhannya, lebih mengamalkan gaya pembelajaran *abstract sequential* berbanding dengan pelajar lelaki. Ini bermakna pelajar perempuan lebih memberikan perhatian kepada teori, hipotesis, penganalisisan, hal-hal akademik, berdisiplin dan mementingkan ilmu pengetahuan berbanding pelajar lelaki.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai amalan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pembelajaran di bilik darjah, iaitu gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya pengajaran guru perempuan. Keadaan ini bertepatan dengan kepentingan keberkesanan strategi pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar (Hsueh-Ya & Banya 1998; Muhammad Kamarul Kabilan 1998). Walaupun demikian, tidak semua kajian tentang keserasian gaya pembelajaran pelajar dengan gaya pengajaran guru mempunyai kesan ke atas pencapaian pelajar, seperti kajian Griffin (1987).

Kemahiran dan Strategi Belajar Kemahiran dan strategi belajar meliputi aspek persediaan belajar, pembelajaran dalam bilik darjah, kemahiran membaca dan persediaan menghadapi peperiksaan. Keputusan analisis MANOVA mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan keempat-empat pembolehubah dalam kemahiran dan strategi belajar antara pelajar lelaki dan perempuan ($F(4,2985)=34.194$, $p=0.000$; Wilk Lambda=.956; *partial eta squared*=.044). Pemeriksaan ke atas pemboleh ubah secara berasingan mendapati keempat-keempat komponen tersebut mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alpha Bonferroni ($0.05/4=0.0125$) iaitu $F(1,2989)=30.670$; $p=0.000$; *partial eta squared* =0.010 bagi persediaan belajar; $F(1,2989)=67.148$; $p=0.000$; *partial eta squared*=0.022 bagi komponen pembelajaran dalam bilik darjah dan $F(1,2989)=129.013$; $p=0.000$; *partial eta squared*=0.041 bagi komponen kemahiran membaca dan $F(1,2989)=29.045$; $p=0.000$; *partial eta squared* = 0.010 bagi komponen persediaan menghadapi

JADUAL 1. Min skor komponen strategi dan kemahiran belajar mengikut jantina

Pemboleh ubah bersandar	Lelaki N=1441		Perempuan N=1549	
	Min	SL	Min	SL
Persediaan untuk belajar	3.9	.58	4.07	.54
Pembelajaran dalam bilik darjah	3.74	.74	4.03	.62
Kemahiran membaca	3.9	.54	4.12	.49
Persediaan menghadapi peperiksaan	3.99	.57	4.09	.62

peperiksaan. Pemeriksaan ke atas skor min mendapat min pelajar perempuan bagi keempat-empat komponen tersebut adalah lebih tinggi daripada min skor pelajar lelaki (Lihat Jadual 1).

Berdasarkan dapatan ini dapatlah dirumuskan bahawa, secara keseluruhannya pelajar perempuan mempunyai persepsi bahawa mereka lebih bersedia menghadapi pembelajaran dalam bilik darjah berbanding pelajar lelaki. Mereka lebih bersedia dari segi persediaan untuk menghadiri kelas, mengambil nota pelajaran, menumpukan perhatian dan cuba memahami apa yang dipelajari dalam kelas berbanding pelajar lelaki. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai persepsi bahawa mereka lebih berkemahiran dalam aspek membaca. Mereka lebih mahir dalam memahami apa yang dibaca dengan membuat garisan dan penonjolan terhadap isi pelajaran yang ditemui dalam pembacaan, dan membuat nota daripada buku teks berbanding pelajar lelaki. Di samping itu, pelajar perempuan juga didapati mempunyai persepsi bahawa mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan berbanding pelajar lelaki. Ini bermakna pelajar perempuan lebih bersedia menghadapi peperiksaan dari segi membuat nota lengkap, melakukan ulangkaji, berusaha mengatasi kebimbangan dan berusaha untuk berjaya dalam peperiksaan. Dapatan ini selari dengan laporan kajian Mohamed Amin (2000) yang mendapat bahawa pelajar perempuan sekolah menengah lebih berstrategi dalam pembelajaran mereka. Tegasnya, pelajar perempuan lebih bersedia dan berfokus dalam menghadapi pembelajaran di bilik darjah.

Aspirasi Pelajar terhadap Pendidikan dan Kerjaya Aspirasi pelajar diukur berdasarkan cita-cita dan visi pelajar serta nilai dan kepercayaan mereka terhadap pendidikan. Keputusan ujian *t* menunjukkan perbezaan min antara pelajar lelaki (min=4.4 ; SL=.63) dan perempuan (min =4.5 ; SL=.56) adalah signifikan ($t=-5.219$, $p=0.000$). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai persepsi bahawa mereka mempunyai cita-cita dan visi yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Pelajar perempuan juga lebih jelas tentang hala tuju pendidikan, bercita-cita dan mempunyai azam yang lebih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka juga berkesanggupan untuk

berusaha dengan gigih bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan berbanding pelajar lelaki. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Richardson dan Fergus (1993) yang dijalankan terhadap 47 pelajar lelaki dan 67 pelajar perempuan di Caribbean. Berbanding pelajar perempuan, pelajar lelaki lebih terpengaruh untuk meninggalkan alam persekolahan dan menyertai sektor pekerjaan yang menawarkan peluang untuk mendapatkan wang. Keadaan tersebut menyebabkan pelajar lelaki kurang menumpukan perhatian untuk terus berada di sekolah berbanding pelajar perempuan yang lebih mempunyai matlamat yang lebih khusus dalam pendidikan. Dengan kata lain, aspirasi dan motivasi yang dimiliki pelajar mempengaruhi tindakan yang dilakukan seperti yang dilaporkan oleh Oxford (1990).

2. Faktor persekitaran

Faktor persekitaran terdiri daripada dua komponen iaitu kepuasan terhadap persekitaran sekolah dan persepsi pelajar terhadap kawalan keluarga. Laporan dan perbincangan dapatan kajian adalah seperti berikut:

Kepuasan terhadap Persekutaran Sekolah Faktor persekitaran sekolah meliputi aspek pengajaran guru, pelaksanaan hukuman, penguatkuasaan peraturan, keceriaan iklim, keselamatan, hubungan guru dengan pelajar, hubungan pelajar dengan pelajar, sistem kaunseling, pelaksanaan kokurikulum dan kemudahan asas. Dalam hal ini, dua pemboleh ubah bersandar telah diukur, iaitu tahap kepuasan pelajar terhadap persekitaran sekolah dan tindakan yang cenderung diambil pelajar mengikut aras kepuasan tersebut. Analisis MANOVA ke atas kedua-dua pemboleh ubah tersebut mendapat terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut antara pelajar lelaki dan perempuan $F(2,2984)=6.112$, $p=0.000$; Wilk Lambda=.996; *partial eta squared*=.004.

Pemeriksaan ke atas pemboleh ubah secara berasingan pula menunjukkan hanya satu pemboleh ubah yang mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alpha Bonferroni ($0.05/2 = 0.025$) iaitu pemboleh ubah tindakan yang cenderung diambil pelajar ($F(1,2985)=9.173$; $p=0.002$, *partial eta squared* = 0.003). Pemeriksaan ke atas skor min mendapat skor pelajar perempuan (6.07) adalah lebih positif berbanding skor min pelajar lelaki (5.99). Dapatan ini menjelaskan bahawa tahap kepuasan antara pelajar lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan yang signifikan. Namun begitu, tindakan daripada ketidakpuasan antara pelajar lelaki dan perempuan adalah berbeza. Dalam hal ini, pelajar perempuan menunjukkan kecenderungan untuk mengambil tindakan yang lebih positif berbanding pelajar lelaki.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa pelajar perempuan berkecenderungan untuk mengambil tindakan yang lebih mendekatkan mereka dengan sekolah berbanding pelajar lelaki. Ini bermakna, jika keadaan persekitaran sekolah tidak memuaskan hati pelajar, pelajar perempuan akan

mengambil tindakan yang positif dan terus belajar seperti biasa, manakala pelajar lelaki pula mengambil tindakan yang agak negatif seperti ponteng kelas, ponteng sekolah dan tidak memberi perhatian terhadap pelajaran. Tegasnya, walaupun dalam keadaan yang kurang selesa pun pelajar perempuan tetap lebih mementingkan pelajaran mereka.

Persepsi terhadap Kawalan Keluarga Persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap kawalan keluarga dalam aspek-aspek yang melibatkan proses pembelajaran mereka menunjukkan min bagi pelajar perempuan (3.5) adalah lebih tinggi daripada min pelajar lelaki (3.4). Keputusan ujian *t* mendapati perbezaan tersebut adalah signifikan ($t=4.285$, $p=0.000$). Secara keseluruhannya, keadaan ini menggambarkan bahawa pelajar perempuan mempunyai persepsi bahawa keluarga mempunyai kawalan yang tinggi ke atas mereka dalam aspek pendidikan berbanding pelajar lelaki. Keputusan ini menjelaskan bahawa pelajar perempuan lebih mendapat galakan keluarga, sokongan moral dan material, dan lebih diharapkan oleh keluarga untuk cemerlang dalam pendidikan berbanding pelajar lelaki. Kawalan keluarga yang lebih ke atas pelajar perempuan memberikan ruang dan peluang yang lebih kepada pelajar perempuan untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran. Secara tidak langsung, mereka mempunyai lebih semangat dan peluang untuk menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Keadaan ini turut dilaporkan oleh Eisenberg, Martin & Fabes (1996). Dapatan ini juga selaras dengan dapatan kajian Hutson (1983) yang menyimpulkan bahawa ibu bapa memberi layanan yang berbeza ke atas anak lelaki dan perempuan.

3. Faktor guru

Dapatan dan perbincangan bagi setiap komponen-komponen yang dikaji dalam faktor guru dibincangkan secara berasingan seperti berikut:

Persepsi Pelajar Lelaki dan Perempuan terhadap Pengajaran Guru Lelaki dan Perempuan Perbezaan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru meliputi aspek-aspek strategi pengajaran, penggunaan sumber, penerapan kemahiran berfikir, penerapan nilai, penampilan, pengurusan bilik darjah, penggunaan ganjaran dan hukuman, keperihatinan dan cara penilaian. Dalam konteks ini dua pembolehubah telah diukur, iaitu: i) tahap kepuasan pelajar terhadap guru perempuan, dan; ii) tahap kepuasan pelajar terhadap guru lelaki tentang aspek-aspek tersebut. Analisis MANOVA mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut antara pelajar lelaki dan perempuan ($F(2,2961)=16.731$; $p=0.000$; Wilk Lambda=.989; *partial eta squared*=0.011). Pemeriksaan ke atas pemboleh ubah secara berasingan pula mendapati hanya satu perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alpha Bonferroni ($0.05/2=0.025$), iaitu dari segi tahap kepuasan pelajar terhadap guru perempuan ($F(1,2963)=9.339$; $p=0.002$), manakala tahap kepuasan pelajar

terhadap guru lelaki tidak berbeza antara pelajar lelaki dan perempuan ($F(1,2963)=1.264$; $p=0.261$).

Penelitian ke atas skor min bagi tahap kepuasan terhadap guru perempuan mendapati min pelajar perempuan (34.65) adalah lebih tinggi berbanding min pelajar lelaki (34.07). Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan, secara keseluruhannya melaporkan bahawa mereka lebih berpuas hati terhadap aspek-aspek pengajaran guru perempuan berbanding pelajar lelaki. Tegasnya, pelajar lelaki dan perempuan tiada masalah dengan guru lelaki, tetapi pelajar lelaki bermasalah dengan guru perempuan. Keadaan ini mungkin disebabkan ketidakserasan antara gaya pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar lelaki. Tinjauan literatur oleh Dunn (1983) melaporkan banyak kajian yang menunjukkan bahawa gaya pengajaran yang serasi dengan gaya pembelajaran pelajar meningkatkan pencapaian akademik. Oleh sebab itu, perkara ini memerlukan penelitian dan perhatian yang lebih mendalam agar implikasi ini dapat ditangani dengan berkesan.

Persepsi Guru terhadap Pelajar Lelaki dan Perempuan Persepsi guru terhadap pelajar lelaki dan perempuan dilihat dari aspek motivasi, minat, kepatuhan kepada arahan, ketepatan masa, kesediaan untuk belajar, tanggungjawab, kebolehterimaan pelajaran, kekemasan kerja, kesungguhan, inisiatif, kreativiti dan inovatif. Dalam hal ini, dua pemboleh ubah yang dibandingkan ialah persepsi guru lelaki dan perempuan terhadap pelajar lelaki dan persepsi guru lelaki dan perempuan terhadap pelajar perempuan. Keputusan analisis MANOVA mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan dalam gabungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut antara guru lelaki dan perempuan ($F(2, 1045)=6.460$, $p=0.002$; Wilk Lambda=.988 ; partial eta squared=0.012). Pemeriksaan ke atas pemboleh ubah secara berasingan mendapati hanya satu perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alpha Bonferroni ($0.05/2=0.025$), iaitu dari segi perbezaan persepsi terhadap pelajar lelaki antara guru lelaki dan perempuan ($F(1,1046)=12.353$; $p=0.000$; *eta partial squared* = 0.0012), manakala persepsi guru terhadap pelajar perempuan tidak berbeza antara guru lelaki dan perempuan ($F(1,1046)=6.794$; $p=0.009$; *partial eta squared*=0.006).

Pemeriksaan ke atas skor min mendapati min persepsi guru lelaki terhadap pelajar lelaki (3.77) adalah lebih tinggi atau lebih positif berbanding dengan min persepsi guru perempuan (3.69). Ini menunjukkan bahawa guru lelaki secara keseluruhannya mempunyai persepsi positif terhadap pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan berbanding guru perempuan. Dengan lain perkataan, guru lelaki tidak mempunyai persepsi yang berbeza terhadap pelajar lelaki dan perempuan. Mereka tidak bias dalam melabelkan kebolehan pelajar, baik pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan, berbanding guru perempuan. Keadaan ini turut dilaporkan dalam kajian Brophy dan Evertson (1981) dan Bank (1987).

Dapatkan tersebut memerlukan perhatian serius. Guru lelaki tidak mempunyai pandangan yang berbeza terhadap pelajar, baik lelaki mahupun

perempuan. Tetapi, guru perempuan mempunyai pandangan yang kurang positif terhadap pelajar lelaki. Keadaan ini boleh mempengaruhi tingkah laku dan sikap guru terhadap pelajar (Eisenberg et al. 1996). Keadaan semakin membimbangkan kerana jumlah guru perempuan jauh melebihi jumlah guru lelaki (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000)

Persepsi Guru Lelaki dan Perempuan terhadap Profesion Perguruan dan Interpretasi serta Pelaksanaan Kurikulum Persepsi guru terhadap tiga pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi proses pengajaran pembelajaran pelajar telah diukur, iaitu persepsi guru terhadap profesion keguruan, interpretasi guru terhadap kurikulum dan pelaksanaan kurikulum. Analisis MANOVA mendapat terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut antara guru lelaki dan perempuan ($F(3,1114)=4.909$, $p=0.002$; Wilk Lambda=.987; partial eta squared=0.013). Penelitian ke atas pemboleh ubah secara berasingan pula mendapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi antara guru lelaki dan perempuan berdasarkan aras alpha Bonferroni ($0.05/2=0.025$) bagi dua daripada pemboleh ubah tersebut, iaitu dari segi persepsi guru terhadap profesion perguruan ($F(1,1116)=9.414$; $p=0.002$; partial eta squared=0.008) dan persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum ($F(1,1116)=6.101$, $p=0.014$; partial eta squared=0.005). Tetapi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi interpretasi kurikulum antara guru lelaki dan perempuan ($F(1,1116)=4.551$; $p=0.033$; partial eta squared=0.004). Jadual 2 menunjukkan skor min persepsi guru lelaki dan perempuan dalam pemboleh ubah yang dikaji.

Dari segi persepsi guru terhadap profesion perguruan, min persepsi guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding min persepsi guru lelaki. Ini menunjukkan secara keseluruhannya, guru perempuan mempunyai persepsi positif terhadap profesion perguruan berbanding guru lelaki. Dengan perkataan lain, guru perempuan lebih berpuas hati, selesa, dan positif terhadap profession perguruan berbanding guru lelaki. Dari segi interpretasi kurikulum pula tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan. Namun begitu, dari segi pelaksanaan kurikulum, dapatkan kajian menunjukkan min guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding min guru lelaki. Ini

JADUAL 2. Min skor persepsi guru

Pemboleh ubah bersandar	Lelaki N=433		Perempuan N=685	
	Min	SL	Min	SL
Persepsi terhadap profesion perguruan	2.88	.35	2.94	.27
Interpretasi kurikulum	4.25	.51	4.31	.44
Pelaksanaan kurikulum	3.78	.50	3.85	.47

menunjukkan bahawa guru perempuan, secara keseluruhannya mengikuti sukanan pelajaran secara lebih rigid, kurang melakukan penyesuaian dan kurang luwes dalam pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan guru lelaki. Berdasarkan dapatan ini dapat dirumuskan bahawa guru perempuan melaksanakan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran secara lebih berfokus kepada peperiksaan dengan mengajar menggunakan buku kerja, contoh-contoh soalan lepas dan sebagainya berbanding guru lelaki.

PERBINCANGAN

Secara umum dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan lebih berjaya dalam peperiksaan awam berbanding pelajar lelaki. Dapatan kajian menunjukkan beberapa faktor penting yang dikaitkan dengan pelajar, persekitaran dan guru yang diandaikan menyumbang kepada keadaan tersebut. Implikasi dapatan kajian dibincangkan berdasarkan dapatan mengenai faktor-faktor tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan mempunyai lebih kemahiran dan strategi pembelajaran yang membantu proses pembelajaran dan persediaan untuk menghadapi peperiksaan mereka berbanding pelajar lelaki. Justeru guru perlu sedar bahawa pelajar lelaki perlu dibantu untuk meningkatkan kemahiran dan strategi belajar mereka. Pelajar perempuan lebih jelas tentang cita-cita dan wawasan pendidikan mereka. Ini menunjukkan pelajar lelaki perlu dibantu untuk membentuk cita-cita dan wawasan pendidikan yang lebih jelas. Justeru guru perlu lebih sedar tentang kadar kematangan pelajar lelaki dan perempuan yang tidak sama. Oleh itu guru perlu melaksanakan pengajaran yang mempertimbangkan kepelbagaiannya pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan bahan untuk memenuhi kepelbagaiannya pelajar. Aktiviti kokurikulum di sekolah juga perlu dipertingkatkan keberkesaan pelaksanaannya supaya pelajar lelaki lebih berminat untuk melibatkan diri. Dengan demikian, aktiviti kokurikulum dapat digunakan untuk membina cita-cita dan wawasan yang jelas di kalangan pelajar lelaki.

Dari segi kawalan keluarga, dapatan kajian menunjukkan keluarga lebih mengawal pelajar perempuan lalu menyebabkan mereka mempunyai lebih ruang dan peluang untuk memberikan lebih tumpuan kepada pelajaran. Sebaliknya pelajar lelaki diberikan lebih kebebasan oleh keluarga. Kurang kawalan keluarga terhadap pelajar lelaki menyebabkan mereka terbiasa dan mudah terdedah kepada pengaruh-pengaruh negatif serta budaya yang kurang sihat. Jelaslah bahawa keluarga perlu memainkan peranan dalam mengawal aktiviti pelajar lelaki agar kebebasan yang diberikan adalah kebebasan yang terkawal. Ibu bapa perlu didedahkan kepada perubahan tentang nilai dan masalah sosial hari ini. Ibu bapa juga perlu membuat anjakan paradigma berhubung dengan cara mengasuh anak-anak agar lebih sesuai dengan kehendak semasa. Agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Wanita,

Kementerian Kebajikan dan Perpaduan Negara serta LPPKN perlu mengadakan program-program untuk menyedarkan ibu bapa tentang peranan mereka dalam mengawal perkembangan anak-anak dan sumbangan kawalan ke arah pencapaian kecemerlangan pendidikan serta proses pembentukan personaliti anak-anak, khususnya anak lelaki. Masyarakat juga hendaklah mempertingkatkan semangat kejiraninan agar masalah kawalan sosial anak-anak lelaki yang terbiar dan tidak menggunakan masa senggang dengan berfaedah dapat dikurangkan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa keperluan dan gaya pembelajaran pelajar lelaki adalah berbeza dengan pelajar perempuan. Pelajar perempuan lebih mengamalkan gaya pembelajaran yang bersifat *abstract sequential* dan *concrete sequential*. Besarnya bilangan guru perempuan dan gaya pengajaran mereka yang komplemen dengan gaya pembelajaran pelajar perempuan menyebabkan pelajar perempuan memperoleh kelebihan secara kebetulan. Dengan kata lain, pelajar lelaki mengalami diskriminasi yang tidak disengajakan. Justeru itu, guru perlu sedar tentang perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Guru juga perlu mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya lebih sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran guru di bilik darjah kurang membantu pelajar lelaki kerana guru tidak mempertimbangkan perbezaan gaya pembelajaran pelajar-pelajar mereka. Justeru dicadangkan supaya kurikulum diperluaskan melalui penempatan pelajar mengikut opsyen yang sesuai dengan minat mereka. Pelajar lelaki diberi peluang membuat pilihan untuk mengikuti mata pelajaran yang sesuai dengan minat mereka, contohnya dalam bidang teknikal dan kemahiran. Guru dan masyarakat harus menerapkan nilai bahawa semua mata pelajaran adalah penting dan sama tarafnya. Pihak sekolah tidak seharusnya menetapkan sesuatu aliran pengajian kepada pelajar kerana pelajar mungkin tidak berminat dengan aliran tersebut. Kursus keguruan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan haruslah menekankan kemahiran untuk menerapkan nilai dan bukan mengajarnya secara langsung.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki menunjukkan reaksi yang berbeza terhadap persekitaran sekolah dan gaya pengajaran guru dengan mengambil tindakan yang lebih mendorong mereka untuk meninggalkan sekolah atau ponteng kelas. Justeru guru hendaklah menyedari hakikat bahawa kemahiran menyelesaikan masalah di kalangan pelajar lelaki adalah berbeza dengan pelajar perempuan. Oleh itu guru dan kaunselor sekolah haruslah memainkan peranan untuk membantu pelajar, khususnya pelajar lelaki menyelesaikan masalah supaya mereka tidak mengambil tindakan yang merugikan diri sendiri.

RUJUKAN

- Bank, B. J. 1987. Students' Sex. In Michael J. Dunkin (Ed.). *The International Encyclopedia of Teaching and Teacher Education*. Oxford: Pergamon Press.
- Busch, Tor. 1995. Gender differences in self-efficacy and academic performance among students of business administration. *Scandinavian Journal of Educational Research* 39: 311-318.
- Bridgeman, B & Wendler, C. 1995. Gender differences in predictors of college mathematics course grades. *Journal of Educational Psychology* 83: 275-284
- Brophy, J. E. & Evertson, C.M. 1981. *Student Characteristics and Teaching*. New York: Longman.
- Dunn, R. S. 1983. Learning styles and its relation to exceptionality at both ends of the spectrum. *Exceptional Children* 49(6): 496-506.
- Dwyer, C. A., 1974. Influence of children's sex role standards on reading and mathematics achievement. *Journal of Educational Psychology* 66: 811-816.
- Eisenberg, N. Martin, C. L. & Fabes, R. A. 1996. Gender Development and Gender Effects. Dlm. Berliner, D. C. & Calfee, R. C. (Ed.). *Handbook of Educational Psychology*. New York: Prentice-Hall International.
- Fennema, E., 1980. Sex-related Differences in Mathematics Achievement: Where and Why. Dlm L. H. Fox, L. Brody, & D. Tobin, (Ed.). *Women and the Mathematical Mystique*. Baltimore: John Hopkins University Press.
- Griffin, S. 1987. How Does the Match between Media and Learners Preferred Perceptual Modes Affect Literacy Learning. Kertas Kerja. The Annual Meeting of Association for Educational Communication and Technologies, Atlanta. *ERIC Accession: ED 285538*.
- Halpern, D. F. 1992. *Sex Differences in Cognitive Abilities*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Hsueh-Ya, M. C. & Banya, K. 1998. Bridging the Gap between Teaching Styles and Learning Styles. In Joy M. Reid (Ed.). *Understanding Learning Styles in the Second Language Classroom*. New Jersey: Prentice-hall Regents.
- Huston, A. C.,1983. Sex-typing. Dlm. E. M. Hetherington (Pvt.) *Handbook of Child Psychology: Vol. 4. Socialization, Personality, and Social Development*. New York: Wiley.
- Jules, V. & Kutnick, P. 1997. Student perceptions of a good teacher: The gender perspective. *British Journal of Educational Psychology* 67: 497-511.
- Kolb, D. 1976. *Learning Styles Inventory*. Boston: McBer and Company.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2000*. KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- McKenna, E. 1997. Gender Differences in Reading Attitudes. ERIC Document No: ED407653
- Mohamed Amin, E. 2000. *Language Learning Strategies: A Malaysian Context*. UKM: Fakulti Pendidikan.
- Muhammad Kamarul Kabilan, A. 1998. Identifying Teaching Styles to Improve Teaching in an ESL Classroom. Kertas Kerja. MICELT International Conference, 18-20 Mei, Pulau Pinang.
- Oxford, R. 1990. *Language Learning Strategies*. New York: Newbury House Publishers.
- Picou, A., Gatlin-Watts, R. & Packer, J. 1998. A Test for Learning Style Differences for the U.S. Border Population. ERIC Document No: ED423678

- Richardson, A.G. & Fergus, E.E. 1993. Learning Style and Ability Grouping in the High School System: Some Caribbean Findings. *Educational Research* 35(1): 69-75.
- Tinklin, T., Croxford, L. Frame, B., Ducklin, A. 2000. Gender and Pupil Performance in Scotland. Kertas Kerja. The European Conference on Educational Research, Edinburgh. Available online: <http://www/leeds.ac.uk/educol/documents/00001663.htm>
- Woolfolk, A. 1998. *Educational Psychology*. 8th Edition. Boston: Allyn & Bacon.
- Xu, J. & Farrell, E. 1992. Mathematics performance of Shanghai school students: a preliminary look at gender differences in another culture. *School Science and Mathematics* 8: 442-447

Zalizan Mohd Jelas
Saemah Rahman
Fakulti Pendidikan, UKM
Bangi, 43600, Selangor D.E.

Roselan Baki
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
Serdang, Selangor D.E.

Jamil Ahmad
Bahagian Dasar dan Perancangan Pendidikan, KPM.